

2.4 Adab bertunang atau *Parisam*

Adat *parisam* terbahagi kepada dua iaitu *parisam* biasa atau *udan parisam*. *Parisam* biasa adalah pemberian hadiah yang dijalankan lebih awal daripada hari perkahwinan, manakala *udan parisam* adalah pemberian hadiah yang dilakukan pada hari yang sama di sebelah pagi sebelum perkahwinan dilangsungkan. Dalam masyarakat India, *parisam* umpama sebuah majlis pertunangan. Adat pemberian *parisam* akan diadakan pada hari yang telah dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak. Pihak pengantin lelaki akan menyediakan beberapa jenis hantaran dalam jumlah ganjil. Hantaran ini perlu disediakan oleh wanita yang sudah bersuami sahaja dan mereka dipanggil *cumanggali*.

Parisam akan dibawa ke rumah pengantin perempuan diketuai oleh bakal pengantin lelaki dengan memakai pakaian tradisional masyarakat India. Pada masa yang sama alat muzik tradisional seperti *naatasawaram* dan *meelam* dimainkan. Pihak perempuan akan menyediakan buyung yang dikenali sebagai *puurana kumbum* yang diletakkan di ruang tamu. Lampu minyak yang dipanggil sebagai *kuttu vilakku* diletakkan bersebelahan *puurana kumbum* sebagai menunjukkan kurniaan tuhan. Bagi memulakan adat tersebut, upacara sembahyang akan dilakukan terlebih dahulu. Kemudian bapa pengantin perempuan akan membawa *parisam* yang mengandungi sari dan diberi kepada anaknya. Pada masa yang sama pengantin perempuan menulis sesuatu dengan menggunakan kunyit sebagai meminta restu daripada tuhan. Setelah itu barulah pihak lelaki dan jemputan lain boleh melihat *puurana kumbum* dengan lebih dekat lagi. Pada hari tersebut, bakal pengantin perempuan memakai sari *parisam* dan dipimpin keluar oleh seorang wanita lain ke ruang tamu. Pada masa ini beberapa orang saudara-mara boleh mengalungkan kalungan bunga pada bakal pengantin perempuan. Ini dikenali sebagai *orrai-maalai* atau kalungan tunggal.



Bertunang & sembahyang



Adat menyuap *kanl kande*



**Sami memberikan
*ku'gumem***